

# USM Lions julung Piala Sultan Azlan Shah

**Syed Ismail Syed Abu Bakar**  
sukan@hmetro.com.my

**Georgetown:** Pasukan Universiti Sains Malaysia (USM) Lions menjulang Piala Sultan Azlan Shah selepas dinobatkan juara kategori Perdana Lelaki Terbuka selepas membenam Quip Eagles A 1-0 pada aksi final Pesta Hoki Antarabangsa Pulau Pinang edisi-44 di kampus induk, Minden, kelmarin.

Keputusan cemerlang itu membolehkan USM Lions membawa pulang Piala Sultan Azlan Shah, wang tunai RM2,000, pingat dan hadiah sumbangan penaja Milo yang disampaikan Pro Canselor USM, Tan Sri Mustafa Mansur diiringi Naib Canselor USM Prof Datuk Dr Asma Ismail.

Quip Eagles yang sekadar meraih naib juara meraih RM1,400, pingat dan hadiah sumbangan Milo.

Kategori klasik lelaki terbuka menyaksikan pasukan KJLJD muncul juara selepas menang tipis ke atas MBMB 2-1 menerusi pukulan penalti selepas permainan terikat 0-0 pada aksi final itu.



**PASUKAN USM Lions mempamerkan Piala Sultan Azlan Shah**

Kemenangan itu membolehkan KJLJD membawa pulang piala pusingan, wang tunai RM1,200, pingat dan hadiah sumbangan Milo, manakala MBMB pula meraih RM800, pingat serta hadiah sumbangan penaja.

Pasukan UPM B muncul juara bagi kategori Institusi Pengajian Tinggi (IPT) Lelaki selepas menewaskan UPM A 1-0 sekali gus membawa pulang piala pusingan, wang tunai RM1,200, pingat dan barangan Milo.

Kategori IPT Wanita turut menyaksikan UPM A menjuarai kategori itu selepas menewaskan rakan sekampus, UPM B 3-2 pada perlawanan sengit aksi final sekali gus menerima piala pusingan, wang tunai RM1,200, pingat dan barangan Milo.

Chinese Taipei A dari Taiwan dinobatkan juara selepas membenam Chinese Taipei B pada saingan kategori lelaki B-18, sekali gus menerima piala pusingan, wang tunai RM800, pingat dan hadiah sumbangan Milo.

Perlawanan akhir bagi kategori bawah 15 tahun lelaki pula menyaksikan Young Boys muncul juara manakala Cute Millenia muncul juara kategori perempuan. Kedua-dua pasukan menerima piala pusingan, wang tunai RM800, pingat dan produk sumbangan Milo.

Lebih 300 pasukan menyertai acara tahunan terbesar Pesta Hoki Antarabangsa USM kali ini yang berlangsung selama tiga hari bermula 15 hingga 17 Disember 2017.